

SBA johan Kejohanan Badminton Berpasukan IPTA, IPTS

UB 31.05.2012 A/4

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya menganjurkan Kejohanan Badminton Berpasukan IPTA, IPTS & Jemputan 2012 (KEBIPTAS 2012) buat julung kalinya baru-baru ini di Dewan Sukan UMS.

Kejohanan bertemakan Piala Sudirman telah menetapkan setiap pasukan terdiri daripada perseorangan lelaki, perseorangan perempuan, beregu lelaki, beregu perempuan serta beregu campuran.

Di samping itu, kejohanan yang berlangsung selama empat hari itu

bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan di antara kelab-kelab badminton di sekitar Kota Kinabalu dengan pihak UMS bagi penganjuran kejohanan yang seterusnya.

Penganjuran di bawah kelolaan Kelab Badminton dengan kerjasama Pusat Sukan UMS itu mendapat sambutan yang menberangsangkan apabila sembilan kumpulan telah menyertai kejohanan yang diadakan buat julung kalinya.

Mereka adalah USTPN A, USTPN B, Masterskill

College, Tentera Laut Diraja Malaysia Elite Sport, Team S, Speed Shuttle Club, Institut Latihan Perindustrian KK, Veganetwork dan Cendekiawan UMS.

USTPN B yang terdiri daripada pemain senior Persatuan Badminton Sabah (SBA) telah muncul juara keseluruhan kejohanan dengan mengalahkan USTPN A iaitu pemain muda SBA dengan kemenangan 3-0.

Manakala Team S tumpas kepada kumpulan Tentera Laut Diraja Malaysia Elite



PARA peserta, jurulatih, wakil penaja dan penganjur merakamkan gambar kenangan sempena kejohanan itu.

Sport yang merebut tempat ketiga dan keempat.

Hadiah berupa wang tunai, pingat serta sijil penghargaan disampaikan oleh wakil Pusat Sukan, Azman, wakil dari SBA, Janih Bangud, wakil Elite Sport, Chris Poh Yong Siang serta penasihat Persatuan Badminton UMS, Rodeano Roslee.

Rodeano ketika ditemui berkata beliau amat berterima kasih kepada pihak-pihak

terlibat seperti Pusat Sukan UMS serta Elite Sport atas kesudian menaja kejohanan ini.

“Saya berharap agar kejohanan ini dimasukkan ke dalam takwim persatuan badminton UMS sehingga mampu menjadi kejohanan tahunan yang dinantikan oleh setiap peminat badminton di sekitar Kota Kinabalu dan seterusnya berkembang ke seluruh

Sabah dan Semenanjung,” katanya.

Di samping itu, Persatuan Badminton UMS sedang memberi perhatian kepada kejohanan yang bakal dianjurkan iaitu ‘Piala Bayu’ yang akan dijalankan pada bulan Oktober.

Kejohanan yang dalam rangka kerja itu diharapkan mampu untuk menarik lebih banyak penyertaan daripada yang disasarkan.



(gambar kiri) **PEMAIN USTPN B bergambar kenangan bersama wakil dari Persatuan Badminton Sabah, Janih Bangud.**